

## WACANA DAN PEMIKIRAN REKABENTUK MASJID

<sup>1</sup>Mastor Surat, <sup>1</sup>MM Tahir, <sup>1</sup>Ismar MS Usman, <sup>1</sup>Suhana Johar, <sup>2</sup>Nangkula Utaberta

<sup>1</sup>Department of Architecture,  
Faculty of Engineering and Built  
Environment  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor. Malaysia.

<sup>2</sup>Department of Architecture,  
Faculty of Design and Architecture, Universiti  
Putra Malaysia

### ABSTRACT

This paper presents an introduction and discussion into some questions with regards to the design of mosque. The main purpose of this writing is to provide a background information to better understand the position of the study on Malay heritage. This paper has four main sections. The first part explains the meaning or understanding of the mosque in Islamic culture. The second part presents the reasons that affect the design of a building's architecture so that those who are not directly educated on the architecture field would understand the exact cause of most architectural designs of buildings that are often thought of as mere architectural or architectural masterpieces. The third part presents the mosque architecture discourse from the design point of view and the fourth and final part presents a specific discourse about the heritage mosque in the Malay World.

**Katakunci:** *mosque design; Malay heritage; heritage mosque*

### ABSTRAK

Tulisan ini membentangkan pengenalan dan membincangkan beberapa persoalan tentang pemikiran rekabentuk masjid. Tujuan utama penulisan ini adalah untuk memberi maklumat latar bagi memahami dengan lebih jelas berkenaan kedudukan kajian ke atas masjid warisan Melayu. Tulisan ini mempunyai empat bahagian utama. Bahagian pertama menyingkap makna atau pengertian masjid dalam budaya Islam. Bahagian kedua membentangkan sebab-sebab yang mempengaruhi rekabentuk senibina sesebuah bangunan supaya mereka yang tidak mendapat pendidikan secara langsung tentang senibina dapat mengetahui punca sebenar kebanyakan rupabentuk senibina sesuatu bangunan yang seringkali difikirkan sebagai buah fikiran atau karya arkitek semata-mata. Bahagian ketiga membentangkan wacana senibina masjid dari sudut pendekatan rekabentuk dan bahagian keempat dan terakhir membentangkan wacana khusus mengenai masjid warisan di Alam Melayu.

**Keywords:** *rekabentuk masjid; warisan Melayu; masjid warisan*

## ISLAM DAN PEMIKIRAN PEMBANGUNAN MASJID

Masjid sebagai sebuah institusi dan bangunan telah lahir berikutan dari kedatangan Islam; iaitu satu agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Walau bagaimanapun, istilah ‘masjid’ itu sendiri sebenarnya bukan termaktub kepada bangunan yang difahami secara masyhur dewasa ini tetapi mempunyai pelbagai latar belakang tentang pemikiran dan perannya. Bahagian ini khusus membentangkan penjelasan ringkas tentang makna masyhur dan makna bercanggah (controversy) mengenai pengertian masjid dalam dunia Islam dewasa ini.

### Pengertian Masjid

Dalam beberapa buah penulisan, perkataan ‘masjid’ dikatakan berasal dari perkataan ‘sajd’ yang membawa maksud tempat bersujud dalam erti kata ‘sembahyang’[1]. Oleh itu masjid di katakan sebagai ‘tempat bersujud’ atau tempat bersembahyang yang menggunakan perbuatan sujud iaitu membongkokkan diri dimana tujuh anggota badan iaitu dua tapak tangan, dua lutut, dua hujung kaki dan dahi rapat mengenai lantai.

Walaupun demikian, ahli akademik seperti James Dickie [2] dan Mohamad Tajuddin [3] telah membuat penelitian bahawa perkataan ‘masjid’ wujud dalam ayat al-Qur'an yang membawa maksud hampir serupa tetapi agak berbeza.

Firman Allah swt :

*“Telah diizinkan (berperang) bagi orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya. Dan sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu.”*

*“ (yaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampong halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka berkata: Tuhan kami adalah Allah. Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebagian manusia dengan sebagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama-nama Allah. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa.”*

Al- Quran (Surah Al-Hajj, Ayat 39-40)

Merujuk kepada ayat al-Quran di atas, perkataan masjid telah diletakkan bersama biara, gereja dan kuil yang telah dibangunkan sebelumnya dan kemungkinan ditafsirkan bahawa perkataan itu membawa maksud keseluruhan bangunan yang dikhaskan untuk menyembah Tuhan. Walaupun demikian, Mohamad Tajuddin telah menunjukkan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perkataan masjid tanpa merujuk kepada sebarang bangunan. Ini bermakna kegiatan sujud menyembah bumi tidak semestinya berlaku pada sesebuah bangunan yang bernama ‘masjid’. Hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang menyifatkan seluruh bumi sebagai tempat untuk umat Islam bersolat membawa erti besar bahawa tidak ada tempat khusus untuk bangunan suci dan juga keseluruhan bumi yang bersih boleh dikatakan ‘masjid’.

Mohamad Tajuddin [2] juga memberi pengertian perbezaan antara Masjid Suci (Sacred) dan Masjid Komuniti. Beliau juga memetik kenyataan dari ahli akademik lain yang menggunakan perkataan ‘jami’ sebagai ‘tempat berkumpulnya manusia’. Oleh itu masjid

bukan sahaja tempat bersembahyang tetapi ia juga sebagai suatu unsur (unsur) ekonomi.

Melalui perbincangan ini, dapat diperhatikan bahawa, istilah ‘masjid’ masih banyak lagi dipertikaikan tentang maksud sebenarnya. Namun begitu, ia boleh diertikan sebagai sebuah bangunan khusus untuk Islam malah ia juga adalah sebagai bukti kepada kewujudan Islam (entity) dan memberikan identiti ke-Islaman kepada bangunan yang digunakan oleh orang Islam.

### **Islam dan Masjid**

Menurut Abul a’la Maududi [4] Islam bermaksud ‘penghamaan kepada Tuhan’. Seseorang Muslim adalah seorang yang menghambakan dirinya kepada cara hidup Islam yang telah digariskan oleh sunnah atau cara hidup Nabi Muhammad s.a.w. Penghamaan atau penyerahan diri ini bermaksud bahawa ia tidak mematuhi mana-mana peraturan atau budaya hidup lain yang bertentangan secara terus dengan teras atau lunas utama syariah dan juga kepercahayaan Islam.

Lunas utama Islam adalah kehidupan berperikemanusiaan yang menganggap bahawa agama wahyu yang lain seperti Kristian, Yahudi dan lain-lain yang mempunyai amanat yang hampir sama sebenarnya datangnya dari satu sumber yang sama (sebelum agama-agama tersebut diselewengkan). Islam mempunyai gagasan bahawa Tuhan itu satu dan Dia adalah yang Maha Berkuasa. Islam juga membawa amanat penyatuan umat dari sudut kesinambungan dakwah para rasul dan para nabi yang datang mengingatkan manusia tentang cara terbaik untuk hidup di muka bumi ini.

Salah satu ritual Islam adalah bersembahyang. Terdapat dua kaedah sembahyang yang dituntut Islam; sembahyang secara berseorangan dan berjemaah. Seorang Muslim dibenarkan bersembahyang secara berseorangan lima kali sehari dalam satu keadaan bersyarat. Syarat yang ditetapkan adalah sekiranya tidak terdapat satu golongan Muslim lain dalam masa yang sama dengannya yang akan mendirikan sembahyang lima waktu itu secara berkumpulan. Tanggungjawab itu di sebut sebagai ‘fardu kifayah’. Oleh kerana arahan fardu kifayah ke atas umat Islam ini dikuatkuasakan maka timbul keperluan untuk bersembahyang di suatu tempat khusus dan tempat atau bangunan inilah yang disebut sebagai ‘masjid’. Penubuhan sesuatu tempat khusus atau sesebuah bangunan khas untuk berkumpul bagi mengerjakan sembahyang dikuatkan lagi dengan arahan untuk setiap orang lelaki Muslim yang cukup syarat wajib berjemaah mengerjakan sembahyang Juma’at. Maka walau pun ‘masjid’ hanya sebagai suatu kawasan lapang yang dibatasi batu-batu yang tersusun sebagai tembok rendah atau sebuah bangunan yang mempunyai ruang tertutup dan berbumbung ia tetap digelar sebagai tempat ibadat umat Islam.

### **Pemikiran dan Peranan Masjid**

Bahagian ini membicarakan serba sedikit tentang percanggahan (controversy) pemikiran dan peranan masjid. Pada masa sekarang, terdapat perbahasan di antara golongan umum yang besar mengatakan bahawa masjid adalah tempat sembahyang semata-mata dan terdapat segelintir ahli akademik yang mengatakan bahawa masjid adalah sebagai pusat pembangunan masyarakat; dan sembahyang adalah sebagai salah satu daripada kegiatannya.

Muhamad Tajuddin [5] dan Sidi Gazalba [6] telah merakamkan banyak hadis-hadis saih yang menggambarkan peranan masjid Nabi Muhammad s.a.w. semasa baginda masih hidup. Secara ringkasnya kedua-dua ahli akademik ini mencadangkan bahawa selain

dari tempat sembahyang, masjid Nabi s.a.w. juga berperanan sebagai pusat pendidikan, pusat kebajikan, pusat pentadbiran politik, pusat undang-undang dan pusat bermasyarakat. Masjid Nabi s.a.w. juga adalah rumah baginda. Oleh kerana wujudnya pelbagai kegiatan tersebut maka kedua-dua ahli akademik ini merumuskan bahawa masjid sebenarnya adalah sebagai pusat pembangunan masyarakat dan sebagai pusat kebudayaan Islam.

Walau apa pun, pemikiran masjid sebagai ‘rumah ibadat’ atau ‘rumah masyarakat’, kebanyakan masjid berperanan hampir sama seperti masjid Nabi Muhammad s.a.w. yang silam. Masjid-masjid di Malaysia umumnya mempunyai rancangan pendidikan seperti ceramah agama, kursus haji, kelas mengaji al-Qur'an dan sebagainya. Masjid juga telah memperlihatkan kegiatan perayaan dan pertandingan ‘mengaji’ al-Quran, berzanzi, nasyid dan sebagainya sebagai ritual komuniti. Masjid juga tempat jawatankuasa mentadbir umat Islam dengan mengutip dana dan menggembeling tenaga ahli qariah. Hanya perihal perundangan sahaja yang tidak dijalankan di sana seperti menjalankan hukuman bagi penzina seperti yang telah dilakukan di zaman Nabi Muhammad s.a.w.

### Ruang dan Rupabentuk Masjid

Setiap masjid mempunyai empat jenis ruang utama. Ruang-ruang tersebut adalah ruang sembahyang utama, ruang serambi, ruang sembahyang wanita serta ruang berwudhuk dan bersuci. Ruang sembahyang utama lazimnya merupakan ruang terbesar atau sama besarnya dengan ruang serambi. Ruang sembahyang utama digunakan untuk bersembahyang, ceramah agama dan kadangkala untuk makan bersama serta tidur beriktikaf. Banyak masjid di Malaysia masa kini tidak membenarkan atau tidak menggalakkan dua kegiatan-kegiatan yang terakhir dilakukan di dalam ruang utama demi kebersihan dan keselamatan ruang dalam masjid. Ruang serambi berperanan sebagai ruang limpahan sembahyang, ruang musafir berehat dan tidur, ruang untuk makan bersama dan ruang bermasyarakat atau berbual. Ruang sembahyang utama juga seringkali digunakan sebagai ruang untuk majlis akad nikah.

Ruang sembahyang wanita kelazimannya dipisahkan dari ruang lelaki dengan menggunakan dinding pembahagi atau tabir; atau dipisahkan dengan meletakkannya pada tingkat atas. Ruang sembahyang wanita harus mempunyai dinding berbentuk ‘mashrabiya’ bagi membolehkan kaum wanita memandang ke luar melihat imam dan jemaah lelaki serta penceramah. Ruang berwudhuk seringkali berdekatan dengan ruang bersuci dan ia merupakan ruang yang sering berada dalam keadaan basah. Terdapat beberapa ruang-ruang lain yang bersifat sokongan atau sekunder seperti ruang dapur, ruang stor, ruang bagi permandian jenazah dan ruang laman untuk meletak kenderaan serta kegiatan kenduri-kendara sewaktu hari perayaan.

### SEBAB-SEBAB YANG MEMPENGARUHI SENIBINA WARISAN

Bahagian ini mengandungi maklumat latar tentang beberapa sebab yang mempengaruhi senibina. Masyarakat umum menyifatkan bahawa setiap bangunan adalah hasil buah fikiran arkitek tetapi hakikatnya adalah berbeza. Seseorang arkitek atau tukang bangunan terpaksa mengikuti beberapa perundangan alam yang bersifat saintifik serta beberapa kehendak politik, keupayaan ekonomi dan perlakuan manusia dalam menjalankan tugasnya.

## Teknologi Struktur dan Warisan Binaan

Teknologi binaan dari sudut lunas struktur dan penggunaan bahan tempatan banyak menentukan rupa bentuk bangunan. Contohnya, di Malaysia, terdapat banyak kayu kayan dan teknologi memotong dan menyambung serta sistem tanggam kayu yang mampu untuk menghasilkan bentuk lantai berpanggung dan bumbung curam berupa meru atau prisma. Kayu mempunyai keupayaan ‘bending’ atau lenturan dan mempunyai sifat ‘elastic’ atau anjal. Bahan yang mempunyai sifat anjal seperti kayu boleh dijadikan alang untuk merentang bangunan dan disambung supaya menjadi tiang gantung atau gagasan kekuda. Dalam pembangunan masjid warisan Melayu di Alam Melayu, bentuk meru atau piramid terhasil berikutan dari sifat kayu yang lurus serta dipergunakan sebagai alang lurus dan tiang lurus menghasilkan bentuk kiub yang berpiramid.



Gambarfoto 1 Rumah Tengku Bongsu. Amalan binaan orang Melayu adalah begitu bitara dengan sistem tanggam yang membolehkan bangunan tersebut dibuka, dipindahkan dan dipasang semula disamping dapat memenuhi kehendak keselesaan hawa, sebab keselamatan dan amalan budaya dan kehidupan orang Melayu terdahulu.

Di negara yang mempunyai banyak batu batan, bentuk bangunan menjadi berbeza. Batu adalah bahan yang tidak mempunyai sifat anjal atau elastic maka ia tidak berupaya dipergunakan sebagai alang lurus untuk merentang antara dua penyokong. Batu mempunyai sifat dan tegasan mampatan yang kuat dan sifat tegangan yang hampir sifar. Maka itu untuk merentang sebuah ruang, batu harus dpersoalansun untuk menjadi gerbang dan kubah sebab aliran daya dan tegasan adalah berupa mampatan sahaja dan bukan bersifat tegangan seperti terdapat pada kayu yang melentur. Maka itu dapat dilihat bahawa banyak bangunan di Timur Tengah yang menggunakan teknologi susunan batu atau batu bata ‘adobe’ yang terhasil dari lumpur yang dikeringkan berbentuk bulat dan berkubah serta bergerbang.

## Teknologi Keselesaan dari Iklim

Senibina warisan terpengaruh juga dengan keadaan iklim setempat. Umpamanya, di iklim tropika, masaalah keselesaan utama adalah 'panas lembab' yang menyebabkan badan berpeluh dan menjadi tidak selesa. Apa yang diperlukan adalah bagi memastikan agar udara sentiasa bergerak untuk mengeringkan peluh badan. Iklim tropika juga mempunyai hujan lebat yang senantiasa turun sepanjang tahun. Oleh kerana itu bangunan di kawasan beriklim tropika mempunyai banyak pembukaan seperti pintu, tingkap dan lubang atau kekisi angin. Bumbung beratap daun nipah, kepingan kayu atau kepingan jubin tanah liat juga dibuat curam agar air hujan yang turun tidak sempat menyerap ke mana-mana bahagian bangunan.



Gambarfoto 3 Sebuah masjid warisan Melayu di Negeri Sembilan. Pembukaan pada dinding, siling tinggi dan binaan lantai berpanggung dapat membantu mengatasi masalah keselesaan hawa kepada penggunanya.

Pada bangunan yang berada di kawasan beriklim panas dan kering, pembinaan dinding berlumpur, tanah atau batu bata dibuat begitu tebal agar penyerapan haba terjadi lambat dan proses kehilangannya juga dapat diperlaharkan. Terdapat dinding yang mempunyai pembukaan yang kecil supaya tidak banyak haba terlepas keluar. Oleh itu, bentuk senibina yang lazim dilihat adalah sesuatu yang kelihatan agak 'berat' atau massive dan bersifat tertutup berbanding dengan senibina 'ringan' dan terbuka dalam sistem binaan di kawasan beriklim tropika.

## Agenda Peribadi Patron

Patron merupakan klien, pemilik bangunan, sebagai penaung yang mengeluarkan perbelanjaan atau sebagai ketua sesuatu pertubuhan yang mengeluarkan sesuatu keputusan mengenai sesuatu projek pembangunan. Sebagai seorang professional, arkitek adalah orang perseorangan yang bertanggungjawab terus kepada patron dalam menghasilkan sesuatu bangunan.

Pada kelazimannya patron akan meminta arkitek melakar bangunan yang diperlukan tanpa meneliti tentang rupa bentuk bangunan tersebut. Tetapi kebanyakannya patron amat gemar meneliti dan mengarah rupa bentuk dan saiz bangunan walaupun arkitek mungkin tidak berpandangan sedemikian. Sebagai contoh, seseorang patron mungkin telah melawat sebuah bangunan masjid dan bangunan-bangunan lain di luar negara yang dianggapnya indah pada pandangannya. Apabila pulang ke negaranya, beliau meminta seorang arkitek untuk membina dengan rupa yang hampir serupa tetapi mengambil kira beberapa keperluan tersendiri dan peribadi.

Sebagai seorang profesional, arkitek perlu menasihati patron mengenai kaedah sebenar dalam memberikan sesuatu pendekatan rekabentuk atau mengenai baik buruknya meniru bangunan tersebut; tetapi pada kelazimannya arkitek bersifat 'tidak professional' dan terus mengikut apa saja telunjuk patron demi upah yang lumayan atau atas dasar sesuatu kepentingan.

### Penafsiran Bahasa

Dalam merekabentuk sesebuah bangunan, arkitek atau tukang bangunan sering merujuk kepada pelbagai rupa bangunan lain yang pernah dibinanya atau dilihatnya. Pengalaman arkitek atau tukang ke atas bangunan dan ruang tersebut kelazimannya akan menjadi pedoman kepada setiap rekabentuk baru. Contohnya, dalam reka bentuk Dewan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), arkitek menggunakan bahasa senibina rumah Melayu bumbung panjang dan berpemeleh. Bagi mereka, tipologi rumah Melayu warisan sedemikian dapat memberi amanat ketulenan bangsa Melayu. Rekabentuk Majid Wilayah Persekutuan yang mirip kepada masjid era Usmaniah di Turki yang direkabentuk oleh Sinan dan lain-lainnya membawa amanat keagungan dan kekuatan Islam silam. Rekabentuk bumbung plat terlipat pada Masjid Negara Malaysia dikatakan oleh Datuk Wan Baharuddin sebagai kiasan atau metafora sebuah payung Di Raja kerana payung membawa simbol Di Raja ('royalty') atau kesultanan yang memayungi negara [7].

Di Eropah pada kurun ke 18, bangunan seperti muzium dan universiti menggunakan bahasa senibina kuil Greek dan Roman. Ia membayangkan bahawa ilmu sebagai suci dan ia dianggap sepenting Tuhan. Bahasa senibina kuil Greek dan Roman telah diterjemahkan atau melalui suatu penafsiran untuk menjadi bahasa ke atas bangunan lain.

Oleh itu, penafsiran bahasa perlu diambil kira ketika menggunakan sesuatu pendekatan senibina yang akan diamalkan dalam sesuatu rekabentuk bangunan. Peniruan gayarupa bangunan asing kadangkala akan memberikan penafsiran bahasa yang tidak tepat kepada sesuatu bangunan bergantung kepada penggunaannya serta tempat dimana bangunan tersebut dibangunkan. Antara contoh-contoh binaan yang telah menyalahafsirkan bahasa senibina pada bangunan di Malaysia ialah Sunway Pyramid di Subang Jaya dan Bangunan Bursa Saham di Kuala Lumpur. Binaan piramid yang membawa sintaksis pemakaman suci telah dimanifestasikan sebagai pusat membeli-belah dan hiburan di Sunway Pyramid sementara kuil Greek dan Roman yang membawa sintaksis tempat pengibadatan suci telah diucapkan sebagai pusat perekonomian negara Malaysia yang tiada pertalian budaya dan kepercayaan dengan masyarakat Greek dan Roman tersebut.



Gambarfoto 3 Dewan UMNO di Putra World Trade Centre (PWTC). Arkitek menggunakan bahasa senibina rumah warisan Melayu bumbung panjang dan berpemeleh. Mereka berpendapat, tipologi rumah Melayu warisan sedemikian dapat memberi amanat mengenai ‘ketulenan bangsa Melayu’.



Gambarfoto 8 Rekabentuk sebuah candi di Bali Indonesia. Mungkin menjadi model kepada rupa bentuk masjid di Alam Melayu sebagaimana yang telah dinyatakan oleh kebanyakan sejarawan dewasa ini.

Mengenai pembangunan masjid Melayu di Alam Melayu, terdapat ahli akademik yang mencadangkan bahawa bentuk meru atau piramid adalah penafsiran rumah ibadat Hindu atau Buddha yang berbentuk pagoda atau bumbung bertingkat walaupun tiada bukti yang kukuh terhadap kenyataan tersebut. Oleh kerana Islam datang ke Alam Melayu setelah agama terdahulu bertapak, maka tidak hairanlah bahasa ‘sacral’ atau suci ke atas bentuk-bentuk bangunan berkemungkinan telah diterjemahkan semula atau diterapkan sebagai bahasa senibina baru.

## PEMIKIRAN DAN PENDEKATAN REKA BENTUK MASJID

Bahagian ini mengandungi penjelasan ringkas wacana tentang pemikiran rekabentuk senibina dan keadaan permasalahan penulisan ini dilihat dari sudut persoalan-persoalan masjid di Alam Melayu. Tulisan ini penting bagi mempastikan bahawa pandangan tokoh-tokoh senibina amat perlu bagi menyumbang kearah pemantapan ilmu tentang senibina warisan.

### Pemikiran Revivalisme Post-Modern

Arkitek yang mengambil pendekatan reka bentuk Revivalisme Post-Modern ini amat prihatin terhadap warisan sejarah lampau sebagai unsur perbualan di antara arkitek dan pengguna [8]. Namun begitu, kebanyakan revivalis di Malaysia tidak begitu prihatin terhadap wacana perbualan senibina yang lebih tinggi selain dari peniruan gayarupa dari senibina lampau. Amalan pemikiran revivalis Malaysia hanya berpaksi kepada ‘pembuat gayarupa atau imej’ semata-mata dan tiruan yang digemari adalah masjid-masjid Timur Tengah yang besar dan tersergam. Masjid Putra di Putrajaya dan Masjid Wilayah Persekutuan merupakan hasil utama pendekatan ini. Masjid al-Azim di Melaka menggunakan bahasa senibina masjid Alam Melayu tetapi ukurannya terlalu besar dan gagasan sistem sokongan dan rentangan kayu tidak diendahkan. Kepincangan revivalisme sebegini yang hanya membesaraskan tipologi dan dibina dengan konkrit tetulang telah disifatkan sebagai ‘senibina belon’ oleh Mohamad Tajuddin dalam beberapa penulisannya.



Gambarfoto 9 Masjid Putra, Putrajaya. Senibina masjid tersebut menggunakan pendekatan revivalisme Asia Tengah.



Gambarfoto 10 Masjid Al Azim Melaka. Senibina masjid tersebut menggunakan pendekatan revivalisme Sino Eclectic Melayu Warisan.

#### Pemikiran Modernisme

Arkitek yang menggunakan pendekatan modernisme tidak akan memperdulikan langsung tentang wacana masjid Alam Melayu. Pendekatan modernisme hanya mengambil kira pernyataan atau ekspressi bahan moden dalam bentuk struktur terkini dan juga memperlihatkan keupayaan teknologi rentangan (fenestration) atau struktur yang lebih canggih. Modernisme sedemikian hanya mengambil kira pemikiran masjid dan membawa rekabentuk jimat tenaga atau rekabentuk yang berdasarkan ekonomi binaan melalui pernyataan struktur bangunan. Masjid Institut Teknologi Bandung serta Masjid Negara, Kuala Lumpur memperlihatkan bagaimana para modenis menolak sama sekali warisan seni bina lampau kerana modernisme sendiri beranggapan bahawa sejarah lampau tiada sumbangan kepada keadaan ‘spirit of the times’ atau seni bersifat jiwa sezaman.

#### Pemikiran Fungsionalisme - Sunnah

Merujuk kepada beberapa orang ahli akademik yang memperkatakan mengenai Functionalisme dari perspektif sunnah, Mohamad Tajuddin seorang yang menzahirkan gagasan ini dalam ceramah dan penulisan beliau [9]. Pendekatan ini menyifatkan bahawa rekabentuk senibina berdasarkan bangunan lampau perlu diambil kira hubungan penggunaanya. Pendekatan ini mencadangkan bahawa ramai arkitek ‘telah sesat’ dalam memahami professionalisme senibina. Nilai-nilai sunnah perlu dipertembungkan dengan kebenaran atau hakikat semasa dari sudut keperluan, teknologi, tempat dan persekitaran dimana masjid tersebut dibangunkan.

Melalui beberapa buah tulisannya Mohamad Tajuddin menggunakan ciri-ciri Senibina Organik Frank Lloyd Wright bagi mentafsirkan senibina Islam dimana Frank Lloyd Wright dilihat telah berjaya dalam memberikan sesuatu pendekatan senibina yang menepati pelbagai keperluan mengenai kepenggunaan, sebab tempat dan persekitaran serta sebab masa dalam menzahirkan senibina sesuatu bangunan. Walaupun Spahic Omar juga berpandangan demikian, beliau tidak mempunyai latarbelakang senibina dan pembacaannya terhad kepada kiasan mudah mengenai asal usul senibina tersebut.

Pendekatan Mohamad Tajuddin tidak mengambil kira warisan senibina kerana beliau tidak yakin bahawa peniruan sebegini boleh mendatangkan manfaat yang banyak. Pada beliau, yang penting adalah masjid merupakan tempat berkumpulnya masyarakat untuk sama-sama membangun sebagai satu ukhwah yang tinggi. Beberapa contoh masjid yang direkabentuk oleh pelajar-pelajarnya mempunyai impak cabaran yang amat mendalam.

### Pemikiran Regionalisme

Pendekatan pemikiran Regionalisme mengambil kira warisan setempat dalam menghasilkan reka bentuk sesebuah bangunan [10]. Terdapat arkitek yang hanya khusus melihat kepada iklim seperti Ken Yeang dan terdapat juga arkitek seperti Frank Lloyd Wright yang menitikberatkan rupa bentuk lampau serta ukiran dan bahan warisan. Kajian tentang masjid warisan Melayu ini mempunyai kepentingannya kepada para regionalis. Arkitek Regionalisme amat mengharapkan suatu maklumat sejarah yang boleh dijadikan sebab untuk dimuatkan ke dalam komputer lantaran menghasilkan rupabentuk baru berdasarkan tujuan rekabentuk lama.



Gambarfoto 13 Masjid Agung Demak, Indonesia. Masjid tersebut telah melalui 20 kali kerja-kerja pemuliharaan dan pengubahsuaian. Namun begitu rekabentuk asal, bahan binaan dan amalan binaannya cuba untuk dikekalkan.

### WACANA MASJID WARISAN ALAM MELAYU

Penulisan tentang masjid amalan di Alam Melayu banyak berkisar kepada kajian sejarah pembinaan dan penjelasan zahir bangunan-bangunan tersebut. Para pengkaji seperti Abdul Halim Nasir [11], David Mizan Hisham [12], Kamarudin Ali [13], Raalah Mohamad [14] dan Mohamad Tajuddin [5] dari Malaysia merupakan antara yang banyak menghasilkan tulisan tentang perkara ini. Di Indonesia pula, terdapat pengkaji seperti Bambang Setiabudi [15], Yulianto Sumalyo [16], Josef Prijotomo [17] dan lain-lain lagi

yang membuat tinjauan zahir dan penaskahan sejarah tentang masjid-masjid Jawa dan Sumatera. Pusat-pustakajian seperti Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu di Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia telah menaskahkan sebanyak 43 buah bangunan masjid warisan Melayu yang termasuk di antaranya masjid warisan, sino-eklektik, kolonial dan Hindu-Islam.

### Persoalan Rupabentuk Masjid Warisan Alam Melayu

Persoalan utama pensejarahan senibina ialah perihal yang amat sukar untuk dikaji iaitu tentang mengapa rupabentuk sesuatu bangunan terjadi. Mengenai masjid warisan Melayu atau vernakular, terdapat dua bentuk utama iaitu masjid jenis bumbung meru atau piramid dan masjid jenis bumbung panjang.

Pada penjenisan masjid bumbung meru atau piramid terdapat masjid yang mempunyai bumbung dua, tiga, empat, lima dan tujuh tingkat. Contohnya, masjid berbumbung dua tingkat adalah Masjid Papan, bumbung tiga tingkat adalah Masjid Kampung Laut dan Masjid Agung Demak, bumbung empat tingkat adalah Masjid Kampung Tuan, bumbung lima tingkat ialah Masjid Limo Kaum dan terdapat juga masjid berbumbung tujuh tingkat seperti Masjid Ternate. Tidak terdapat sebuah kajian pun yang dapat memberi suatu gambaran jelas tentang kenapa bentuk-bentuk tersebut telah dipilih. Pengkaji seperti Abdullah Mohamad (Nakula) [18] menggunakan penafsiran sufi dari sudut tingkatan-tingkatan makrifat di mana setiap tingkat bumbung itu membawa kepada keadaan lebih dekat kepada Tuhan. Namun demikian, penafsiran sedemikian tidak didasarkan kepada alasan-alasan yang kukuh. Penyataan-penyataan seperti dari David Mizan yang menganggap bahawa bentuk bumbung meru datang terus dari terjemahan bahasa senibina kuil Buddha atau bangunan Pagoda merupakan suatu andaian mudah atau simplistik seorang arkitek yang juga tidak mempunyai alasan kukuh.

Mohamad Tajuddin pernah memberi cadangan tentang keperluan dalam pembinaan dan teknologi kayu dengan apa yang disebut beliau sebagai 'constructional proposition' juga tidak mempunyai alasan yang teguh kerana tidak mempunyai kajian perbandingan dan tinjauan tentang struktur, tanggam dan kaedah pembinaan. Frishman [19] pula membawa cadangan bahawa bumbung meru datangnya dari struktur pondok lama seperti wakaf dan wantilan; tetapi ia tidak juga mempunyai kajian mendalam tentang perihal pemindahan pemikiran atau transformasinya.

### Tumpuan Kajian

Terdapat banyak maklumat sejarah yang perlu ditinjau dan dinaskahkan untuk memberi suatu gambaran yang jelas tentang asal-usul rupabentuk masjid warisan Alam Melayu tersebut. Kajian ini khusus membuat perbandingan diantara tipologi-tipologi masjid warisan utama dalam Dunia Islam di Timur Tengah dengan masjid warisan berbumbung meru di Asia dan Alam Melayu. Tujuan perbandingan adalah untuk menunjukkan tiga perkara penting. Pertama adalah untuk mencadangkan perkembangan atau evolusi tipologi masjid jenis ini yang menggunakan perihal 'central dome type' berbanding 'hypostyle type' [20]. Kedua adalah bagi mencadangkan bahawa rekabentuk masjid Alam Melayu adalah contoh pematuhan kepada gagasan 'jiwa setempat' dan 'jiwa sezaman' dalam pembangunan senibina. Yang ketiga pula adalah bagi mencadangkan bahawa sebab tempatan atau kedaerahan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tipologi masjid samaada di Timur Tengah maupun di Alam Melayu.

## RUMUSAN

Kajian ke atas masjid warisan Alam Melayu adalah kegiatan penting bagi merangka pemikiran atau pendekatan rekabentuk kontemporer atau masa kini yang berasaskan regionalisme atau jiwa kebangsaan sesebuah negara di rantau ini. Perihal utama yang harus dikembangkan adalah tentang pengaruh rupabentuk masjid-masjid yang lain dalam dunia serta kemungkinan pengaruh dari rupabentuk tipologi bangunan yang lain. Kajian terhadap tipologi masjid warisan di Alam Melayu menjurus kepada penghasilan sebuah perengganan baru yang memberi cabaran kepada tipologi masjid Alam Melayu yang mempunyai gagasan masjid bertiang seri atau soko-guru dan juga sebagai sebuah masjid yang berkemungkinan besar menjadi rumusan kepada dua tipologi agung masjid sedunia iaitu suatu ‘perkahwinan’ tipologi ‘hypostyle’ dan tipologi ‘central dome’.

## RUJUKAN

- [1] M. Tajuddin, Peranan, Kurikulum dan Rekabentuk Masjid sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat, Penerbit UTM, 1999, mks. 4
- [2] Rencana oleh James Dickie dalam buku Architecture of the Islamic World, George Michell ed., New York: William Norrow and Company Inc., 1979
- [3] Lihat M. Tajuddin, Peranan, Kurikulum dan Rekabentuk Masjid sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat, Penerbit UTM, 1999
- [4] Abul a'la Maududi, Let Us be Muslims, Leceister: The Islamic Foundation, 1992, mks. 137
- [5] Tajuddin M Rasdi, Mohd (1998). Mosque as a Community Development Centre. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- [6] Sidi Gazalba, Masjid: Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam, Jakarta: Pustaka Antara, 1976
- [7] Perbualan dengan Prof. Dr. Mohamad Tajuddin dan Arkitek Wan Baharuddin yang diceritakan kepada pengkaji.
- [8] Tajuddin M Rasdi, Mohd (1999). Seni Bina di Malaysia: Kritikan Tentang Seni Bina Islam, Identiti Nasional dan Pendidikan. Selangor: Design Modular Sdn Bhd.
- [9] Kertas kerja seminar oleh Mohamad Tajuddin berjodol ‘Reconstructing the Idea of Islamic Architecture yang dibentangkan di Universiti Islam Anatarabangsa, Malaysia pada tahun 2003
- [10] Mohamad Tajuddin, In Search of Malaysian Architectural Identity dalam buku terbitan Pertubuhan Arkitek Malaysia bertajuk 80 Years Architecture, 2000
- [11] Nasir, Abdul Halim (1984). Masjid-Masjid di Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- [12] Fee, Chen Voon (ed) (1998). The Encyclopedia of Malaysia: Vol 5 Architecture. Singapore: Didier Millet.
- [13] Bab dari buku Islamic Civilization in the Malay World edited by Mohd Taib Osman, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997 yang berjodol ‘Architecture: Unity of Sacred and Profane
- [14] Ra'alah Mohamad (2003).A Comparative Study of Traditional Malaccan Mosques in the 17th Century, tesis Sarjana, University of Sheffield, 2002
- [15] Bambang Setia Budi, “The Material and Construction System of the Traditional Saka Guru Grand Mosque in Java-Indonesia”, paper pada The Third International Symposium on Islamic Expression in Indonesian Architecture, “Tectonic Dimension in Islamic Architectural Tradition in Indonesia, hal 107-115.
- [16] Yulianto Sumalyo (2000). Arsitektur Masjid dan Monumen Sejarah Muslim. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

- [17] Josef Prijotomo, 1992, IDEAS AND FORMS OF JAVANESE ARCHITECTURE, Gajah Mada, University Press.
- [18] Abdullah Mohamed, 1982, ISLAMIC ARCHITECTURE - APPLICATION IN MALAYSIA, International Conference on Islam And Technology, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- [19] Frishman. Martin & Hasan-Uddin Khan (1994). The Mosque: History Architectural Development & Regional Diversity. London: Thames & Hudson Ltd.
- [20] Rekabentuk masjid jenis ‘central dome’ adalah merujuk kepada binaan masjid yang memiliki kubah tengah yang kebanyakannya dibangunkan di Turki sementara rekabentuk masjid jenis ‘hypostyle’ adalah merujuk kepada rekabentuk Arab asli di zaman permulaan Islam. Pengertian ‘hypostyle’ juga adalah bagi menyatakan bentuk binaan asalnya sebagaimana yang telah digunakan untuk menggambarkan sebuah ruang yang dipenuhi dengan tiang-tiang bagi menyokong bumbungnya sebagaimana pada ruang kuil kuno masyarakat Mesir di masa lampau. Lihat Frishman. Martin & Hasan-Uddin Khan (1994). The Mosque: History Architectural Development & Regional Diversity. London: Thames & Hudson Ltd.